

12 MAY 1998

G15-Rafidah

MALAYSIA TOLAK DESAKAN PUSINGAN BARU PERDAGANGAN

Oleh: Azman Ujang

KAHERAH, 12 Mei (Bernama) -- Malaysia akan menolak desakan daripada mana-mana pihak supaya mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) di Geneva minggu depan mewujudkan satu pusingan rundingan baru yang dipanggil "Rundingan Pusingan Alaf 2000" bagi membincangkan semula semua bidang perdagangan pelbagai hala.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata pendirian Malaysia ialah pelbagai perkara yang dicapai sebelum ini dalam Pusingan Uruguay hendaklah diselesaikan terlebih dahulu sebelum satu rundingan baru dimulakan.

"Bagi Malaysia isu yang ada di depan kita ini ialah masalah pemulihan ekonomi. Kita tidak ada masa memberi penumpuan membincangkan sekali lagi perkara berkaitan dengan pusingan baru perdagangan pelbagai hala dalam masa yang suntuk," katanya kepada wartawan Malaysia selepas mengikuti Sidang Kemuncak Negara-negara membangun Kumpulan 15 (G-15) di sini lewat Isnin.

Rafidah berkata sungguhpun terdapat tekanan daripada negara maju, Malaysia tetap dengan pendirian bahawa pembukaan pasaran bagi sektor tertentu boleh dilakukan dengan cepat melalui liberalisasi sektoral.

"Ia tidak seharusnya dilakukan menerusi apa yang dipanggil multilateral dalam bentuk global atau komprehensif yang membabitkan semua barang dan semua perkara," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa Malaysia sebagai negara membangun buat masa ini tidak mampu berbuat demikian kerana banyak masalah lain yang perlu ditangani sekarang.

Rafidah berkata pandangan Malaysia itu mendapat sokongan oleh banyak negara ketika mesyuarat peringkat menteri perdagangan G-15 di sini.

Ketua-ketua negara G-15 dari 16 negara benua Afrika, Asia dan Amerika Selatan pada hari Selasa berada di pusat peranginan Sharm Al-Sheikh di Sinai, kira-kira 600 km dari sini, untuk pertemuan perentian, sebelum kembali ke sini pada Rabu untuk menamatkan sidang kemuncak tiga hari mereka.

"Banyak negara berpendirian yang sama dengan Malaysia mengenai WTO. Mereka menerima perakuan mesyuarat menteri-menteri perdagangan, dan Malaysia sendiri mengedarkan kertas dasar mengenai pendirian negara-negara membangun dalam WTO bagi menghadapi mesyuarat pertubuhan itu minggu depan," kata Rafidah.

Dalam kertas dasar itu, Malaysia antara lain mencadangkan bahawa isu baru dalam WTO tidak perlu diteliti dan sebaliknya mencadangkan supaya apa juga yang dipersetujui pada masa lalu, dilaksanakan.

"Apa juga agenda di depan kita, itu sahajalah yang dilaksanakan. Perkara lain hanyalah sebagai perkara untuk pengetahuan.

"Contohnya kalau kita hendak membincangkan soal perolehan kerajaan atau isu lain, ini hanyalah sekadar untuk mendapat maklumat sahaja. Ini tidak harus dibincangkan dalam WTO sebagai isu perdagangan," katanya.

Bercakap mengenai perbincangan hari pertama Sidang Kemuncak G-15, Rafidah berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan kertas kerja berhubung masalah kewangan di rantau Asia yang menjelaskan secara terperinci impak negatif daripada penurunan nilai matawang dan masalah sosial dan ekonomi yang timbul.

"Saya percaya dalam mesyuarat ini Ketua-ketua G-15 akan mencapai persetujuan tertentu untuk menangani bersama dengan pertubuhan yang lain masalah perdagangan mata wang," katanya.

-- BERNAMA
AU NMO